

Hak pencen penjawat awam

UTUSAN MALAYSIA 13/09/2019 M/S 13



Salleh Buang

“BOLEHKAH pencen seorang penjawat awam dimansuhkan?”

Seorang sahabat (pesara guru dari Pulau Pinang) bertanya saya soalan itu baru-baru ini. Beliau singgah ke rumah dalam perjalanan pulang selepas puas membeli-belah di Padang Besar, Perlis.

Saya katakan padanya bahawa isu pencen ini perlu dilihat dari perspektif undang-undang kontrak. Apabila seorang penjawat awam dilantik memegang jawatannya dengan kerajaan, apakah jawatan itu tetap dan berpencen ataupun tidak?

Sekiranya dia dilantik ke jawatan tetap dan berpencen, maka dia berhak menikmati pencen setelah bersara andainya dia telah memenuhi segala syarat yang disebutkan



DR. MAHATHIR MOHAMAD memberitahu bahawa skim pencen akan dikekalkan sehinggalah satu mekanisme baharu dapat diwujudkan untuk meringankan beban kewangan negara. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

dalam undang-undang pencen negara. Sebaliknya, jika jawatan ditawarkan kepadanya itu adalah sementara atau kontrak, maka penjawat awam itu tidak berhak mendapatkan pencen setelah tamat bekerja dengan kerajaan.

Dari sudut undang-undang, kerajaan boleh memansuh atau meminda undang-undang pencen negara pada bila-bila masa andainya ia berasa perlu dilakukan. Selepas sekian lama melaksanakan undang-undang pencen, kerajaan boleh memansuhkannya pada bila-bila masa, tahun ini atau tahun depan. Hendaknya ia telah memikirkan habis-habis pro dan kontra sebelum mengambil tindakan drastik itu. Sama ada tindakan itu wajar atau sebaliknya, pोकunya kerajaan berhak berbuat demikian.

BERTENTANGAN PERLEMBAGAAN

Bagaimanapun, pemansuhan undang-undang pencen (hak pencen penjawat awam) hanya boleh melibatkan penjawat awam yang baharu (akan dilantik) pada masa depan, selepas undang-undang baharu itu dikuatkuasakan. Ia tidak boleh dipakai kepada penjawat awam sedia ada yang telah berkhidmat sekian lama dan sudah pun layak mendapatkan pencen apabila mereka bersara nanti.

“

Dalam bahasa mudah, kesan perlindungan yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan itu, hak pencen seorang penjawat awam yang kini sudah ada dalam perkhidmatan awam hendaklah terus terpelihara (“tidak kurang baiknya”) sekali pun satu undang-undang baharu diwujudkan (undang-undang pencen dipinda dan dimansuhkan)

Andainya kerajaan (selaku majikan) memansuhkan hak pencen penjawat awam sedia ada, tindakan sedemikian bukan hanya tidak adil, bahkan bertentangan dengan perlembagaan (*unconstitutional*). Perkara 147 Fasal (1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan “*Undang-undang yang dipakai bagi apa-apa pencen... yang diberi kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam ... ialah undang-undang yang berkuatkuasa pada hari berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya tidak kurang baiknya kepada orang itu.*”

Di bawah Fasal (2)(c)

pula, ‘hari yang berkaitan’ bagi seorang penjawat awam yang dilantik selepas Hari Kebangsaan adalah “*tarikh bila ia kali pertama kali menjadi anggota demikian itu.*”

Dalam bahasa mudah, kesan perlindungan yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan itu, hak pencen seorang penjawat awam yang kini sudah ada dalam perkhidmatan awam hendaklah terus terpelihara (“tidak kurang baiknya”) sekali pun satu undang-undang baharu diwujudkan (undang-undang pencen dipinda dan dimansuhkan).

BUKAN HAK MUTLAK

Portal rasmi kerajaan persekutuan (<http://www.jpapencen.gov.my>) menyatakan skim pencen yang ada sekarang adalah untuk mengiktiraf dan menghargai perkhidmatan cemerlang, jujur serta setia setiap penjawat awam kepada kerajaan. Portal itu menambah bahawa hak pencen yang diberi oleh kerajaan kepada penjawat awam bukan satu hak mutlak. Seorang penjawat awam perlu mematuhi semua syarat dan terma undang-undang pencen negara sebelum dia layak menerima pencen daripada kerajaan.

Pada 2013, Mahkamah Agong India memutuskan hak pencen penjawat awam

di negara itu tidak boleh ditarik balik atau digantung apabila berdepan dengan satu prosiding jenayah atau tatatertib jabatan.

Kata mahkamah lagi, seorang penjawat awam di negara itu berhak mendapatkan pencen setelah lama bekerja keras dengan jujur dan setia kepada kerajaan (majikan). Hak pencen yang dinikmatinya adalah serupa ‘harta’ baginya. Hak kepada harta seorang penjawat awam tidak boleh ditarik balik atau dihapuskan kecuali menerusi proses undang-undang.

Pada 7 September lalu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberitahu media bahawa kerajaan akan mengekalkan skim pencen bagi penjawat awam sehinggalah satu mekanisme baharu dapat diwujudkan untuk meringankan beban kewangan negara. Beliau menambah, satu keputusan muktamad belum dibuat kerana isu ini belum lagi dibincang dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

Sambil mengakui pembayaran pencen kepada penjawat awam kini merupakan satu beban kewangan kerajaan yang amat besar, Dr. Mahathir menyatakan, “Kita akan teruskan skim pencen yang ada sekarang tetapi kita sedang memikirkan

cara bagaimana kerajaan boleh mampu terus berbuat demikian dan penjawat awam tidak mengalami apa-apa kerugian.”

Kenyataan Perdana Menteri ini melegakan orang awam setelah mereka mendengar kenyataan sebelumnya oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Borhan Dolah, bahawa mulai tahun depan (2020), penjawat awam yang baharu dilantik tidak lagi akan ditempatkan dalam jawatan berpencen, sebaliknya diambil bekerja berasaskan kontrak. Langkah terbaharu ini terpaksa diambil untuk mengurangkan jumlah penjawat awam dalam negara (kini dianggar 1.7 juta orang), sekali gus mengurangkan beban pencen negara yang kini dianggar RM28 bilion setiap tahun.

Mengikut Borhan lagi, walaupun penjawat awam baharu nanti tidak lagi menikmati skim pencen, mereka masih boleh menikmati kemudahan-kemudahan lain seperti pinjaman kereta dan pinjaman perumahan serta elaun yang lebih tinggi. Semua ini lebih sesuai bagi Generasi Y.

DATUK SALLEH BUANG ialah bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara dan bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.